



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

SUARA NGO – EAIC TERUS JADI BENTENG KEPERCAYAAN RAKYAT

**UNTUK SIARAN SEGERA
27 JANUARI 2026**

Suara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan terus menjadi rujukan penting kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dalam menyokong agenda reformasi penguatkuasaan yang telus dan berintegriti. Melalui interaksi langsung dengan masyarakat, NGO merupakan pemberi maklumat yang penting dalam menyalurkan isu sebenar di lapangan, cabaran rakyat serta pengalaman yang mungkin tidak tercatat dalam data rasmi, termasuk salah laku dan ketirisan integriti dalam kalangan penguat kuasa.

Menurut Tan Sri Dr. Ismail Hj. Bakar, Pengerusi EAIC, isu integriti tidak boleh ditangani melalui penguatkuasaan semata-mata. Ia memerlukan langkah pencegahan, penambahbaikan sistem dan reformasi institusi secara menyeluruh. Input NGO berkaitan salah tadbir dan salah laku dalam perkhidmatan awam, khususnya yang melibatkan agensi penguatkuasaan, membantu EAIC mengenal pasti langkah-langkah lebih berkesan dan realistik, termasuk usaha memperbaiki kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan sesi dialog Suara NGO Bersama Pengerusi EAIC mengenai Tadbir Urus dan Integriti di Menara Usahawan hari ini. Sesi tersebut dihadiri wakil NGO termasuk Pertubuhan Integriti dan Governans Malaysia (MIG), Malaysia Corruption Watch (MCW), Rasuah Busters, Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (JARING) dan Transparency International Malaysia (TI-Malaysia).

Dalam sesi dialog tersebut, wakil NGO turut berpandangan bahawa EAIC wajar terus diperkasakan sebagai benteng terakhir kepercayaan rakyat dalam memastikan akauntabiliti dan integriti agensi penguatkuasaan sentiasa dipelihara. NGO juga mencadangkan agar pendekatan hubungan kerajaan–masyarakat diperkukuh melalui konsep *Open Government Relationship*, termasuk pengiktirafan NGO yang berkelayakan sebagai rakan strategik kerajaan dalam agenda integriti dan pembaharuan tadbir urus.

Selain itu, NGO turut membangkitkan cabaran-cabaran pelaksanaan agenda integriti, antaranya tekanan dan agenda politik yang dikenal pasti boleh menjejaskan siasatan serta tindakan penguatkuasaan dan sistem pemberi maklumat yang gagal. Campur tangan politik dan kekangan terhadap kebebasan institusi turut dilihat melemahkan keberkesanan penguatkuasaan dalam memperkukuh integriti.

Selaku Ketua Peneraju Focus Group Penguatkuasaan di bawah Pasukan Petugas Khas Indeks Persepsi Rasuah (CPI), EAIC akan terus bekerjasama dengan NGO bagi mengenal pasti langkah-langkah lebih berkesan dalam menangani salah tadbir dan salah laku, menilai semula beberapa aspek Akta 700, serta memperkukuh pengawasan dan siasatan. Kerjasama berterusan ini diharapkan dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi awam yang telus, berintegriti dan dipercayai.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.